

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12 JULY 2017

Yayasan 1MDB taja 5,711 tunai haji sejak lima tahun lalu: PM

BH- 12/7/2017 pg. 2

➔ Keuntungan syarikat turut diagih untuk bantuan perumahan dan pendidikan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

► Putrajaya

Di sebalik pelbagai tohmahan dan kritikan terhadap 1Malaysia Development Bhd (1MDB), syarikat pelaburan strategik kerajaan itu menerusi yayasannya berjaya menghantar 5,711 jemaah haji dengan tajaan RM57 juta sejak lima tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata sebagai kerajaan yang prihatin, keuntungan syarikat itu tidak hanya digunakan untuk program tajaan ke Tanah Suci, sebaliknya merangkumi pelbagai inisiatif seperti bantuan perumahan dan pendidikan bernilai ratusan juta ringgit.

“Bila kutukan dilemparkan terhadap 1MDB, termasuk oleh seorang bekas Perdana Menteri, rakyat mesti faham bukan semua ti-

dak baik berhubung 1MDB, kerana sebahagian daripada keuntungan digunakan untuk program kebajikan.

Sumbangan RM57 juta

“Untuk tajaan haji sahaja kita sumbang RM57 juta, malah Yayasan 1MDB turut memberi bantuan perumahan dan pendidikan kepada rakyat selain bantuan kepada mereka yang ditimpa malapetaka, beratus-ratus juta kita bantu, tapi ini orang tidak sebut.

“Jangan hanya kerana 1MDB, kita nak jatuhkan kerajaan, kalau ada yang tidak betul, kita betulkan, kalau ada orang buat salah, kita hadapi. Tapi takkan kerana perkara itu kita nak runtuhkan kerajaan, runtuhkan institusi yang membangunkan negara, bela umat Islam dan agama,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Haji Program Khas Haji

Perdana Menteri tajaan Yayasan 1MDB di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di sini, semalam.

Yang hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Sehubungan itu, Najib berkata, sebagai pemimpin yang dekat dengan masyarakat akar umbi, golongan imam serta pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) perlu memperbetul dan menjelaskan dakwaan tidak benar yang dibuat pihak berkepentingan peribadi.

“Usaha oleh badan yang sebahagian keuntungannya digunakan untuk membangunkan masyarakat ini tidak boleh dibiarkan musnah oleh andaian yang dibuat individu yang boleh disifatkan sebagai ‘tidak boleh pakai sama sekali’,” katanya.

Perdana Menteri berkata, prog-

ram tajaan Yayasan 1MDB semakin mendapat perhatian masyarakat dan ia hanya boleh diteruskan jika kerajaan sedia ada dipertahan serta dikekalkan.

Doakan kesejahteraan negara

“Sebab itu saya harap anda yang akan mengerjakan haji ini dapat mendoakan supaya negara dan kepimpinan negara dapat dikekalkan untuk kesinambungan program kebajikan dilaksanakan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi JKKK Persekutuan Maran, Pahang, Azman Shaari, berkata semua yang terpilih berasa gembira dan teruja selain sebab apabila menerima surat jemputan untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu tahun ini.

“Tawaran ini bukti komitmen Perdana Menteri menghargai kami. Jadi, usaha ini wajar diteruskan bagi memberi peluang kepada lebih ramai menunaikan ibadah haji,” katanya.